




Latihan praktikal seni teater



Salah seorang tenaga pegajar teater.

ASK Tingkatkan Martabat Seni

Oleh AZLIE

KUALA LUMPUR, Isnin: Bagi memartabatkan seni tanah air, Akademi Seni Kebangsaan (ASK) telah merancang beberapa sesi keilmuan untuk segenap pendukung seni.

Menurut Norliza Rofli, Pendaftar ASK menyatakan program berbentuk keilmuan itu merangkumi Seminar Penulisan Drama,



Norliza Rofli...melahirkan generasi berbakat dalam seni.

Bengkel Pembuatan Alat Muzik Angklung dan Seminar Teater.

"Memang menjadi hasrat kami di ASK untuk melahirkan sebuah generasi yang mahir dan berwibawa di bidang seni. Sesungguhnya program jangka pendek ini agak jarang dijalankan dan peluang ini tidak seharusnya dilepaskan begitu sahaja," ulas Norliza Rofli semasa sidang akhbar

ASK yang diadakan di bangunan baru ASK bertempat di Jalan Ampang.

Menurut Norliza seminar dan bengkel tersebut akan diadakan bermula dari 18 hingga 25 November ini. Bagi Seminar Penulisan Dramatik akan diadakan di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson. Seminar ini akan membincangkan bidang teori, praktikal dan is-isi teori.

bidang penulisan dramatik.

"Bengkel Pembuatan Alat Muzik Angklung yang julu-lung-julu kali diadakan ini merangkumi secara terperinci asas, sejarah, pembuatan dan pemahalan alat muzik angklung," jelas Norliza.

Sementara Seminar Teater pula akan diadakan dari 23-25 November 1995 bertemakan "Pengajaran dan Pem-

Seminar tiga hari ini akan dikendalikan oleh Kristen Jit, Prof. Ghouse Nasruddin, Dr. Anuar Nor Arai dan Rosminah Tahir.

Bagi anda yang berminat untuk menyertai seminar dan bengkel tersebut boleh menghubungi Akademi Seni Kebangsaan di talian 03-2649180 atau datang sendiri ke pejabat pentadbirannya di 139, Jalan Ampang Kuala Lumpur.